

# Menoktahkan tabiat merokok

Oleh ARZIANA MOHMAD AZAMAN

**T**REND merokok alaf baharu yang dikaitkan dengan penggunaan *vape* dalam kalangan anak muda cukup membimbangkan. Masakan tidak, kanak-kanak seawal usia lima tahun dilaporkan sudah mula terjebak dengan ketagihan nikotin.

Impaknya bukan biasa-biasa. Kemunculan Evali iaitu penyakit berkaitan paru-paru akibat rokok elektronik atau *vape* sudah mula dikesan sejak dua tahun lalu.

Berdasarkan statistik Centers for Disease Control and Prevention, Amerika Syarikat, sebanyak 2,807 kes kerosakan paru-paru disebabkan Evali dan 68 kematian direkodkan setakat Februari 2020.

Bukan itu sahaja, bahana *vape* juga boleh membuatkan seseorang mendapat kanser. Hal itu bukan sekadar kata-kata kerana ia merujuk kepada bukti epidemiologi beberapa kajian yang dijalankan sejak tahun 2005 lagi.

Melihat situasi negatif itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil langkah proaktif dengan membentangkan Akta Kawalan Tembakau dan Merokok serta mewujudkan peruntukan berkaitan Generasi Penamat (GEG) di Parlimen baru-baru ini.

Mengulas mengenai pelan tindakan KKM itu, Setiausaha Agung Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Tenaga Nasional, Muhammad Aqil Mirza Mohd Shafie berkata,

**MENURUT** portal *MyHealth*, penyakit berkaitan merokok adalah pembunuh nombor satu di negara ini yang menyebabkan kira-kira 10,000 rakyat Malaysia meninggal dunia setiap tahun.

remaja untuk mencuba merokok dengan kaedah konvensional atau elektronik memang tinggi. Daripada mula mencuba, mereka akhirnya terperangkap dan sukar untuk berhenti," ujarnya.

Mengakui jihad untuk memotivasi anak muda bukan satu tugas mudah, kata pemimpin pelajar itu, perjuangan tersebut mesti diteruskan walaupun mengambil masa yang agak panjang.

"Ini adalah langkah pertama untuk langkah seterusnya. Sudah tentunya apabila kita bercakap tentang GEG, kita akan menerima perspektif 360 darjah dan berbeza daripada banyak pihak.

"Oleh yang demikian, kami (MPP) bersedia menjadi salah satu platform untuk memotivasikan anak muda demi mencapai solusi lebih baik," katanya.

## Bermula dari rumah

Bagi Dr Murallitharan, GEG merupakan polisi konkrit dalam menoktahkan tabiat merokok belia menjelang tahun 2040.



**PERJUANGAN** misi GEG turut dipandang serius Dr Murallitharan (kiri) dan Dr Noraryana ketika membincangkan isu tersebut sempena Program Wacana *Sinar Harian* bertajuk Akta Tembakau: Apa Kata Anak Muda yang berlangsung di Auditorium Kumpulan Media Karangkrif baru-baru ini.

**Generasi Penamat (GEG) yang diperkenalkan oleh KKM disifatkan satu pelan konkrit untuk mewujudkan generasi muda yang tidak**

## muda yang tuhan kenal rokok, vape

Mondy Srinee berkata, pelaksanaan GEG dilihat sebagai satu inisiatif terbaik dalam usaha mengawal selia produk tembakau.

"Dalam hal ini, saya tak nafikan *vape* sudah menjadi satu trend dalam kalangan anak muda khususnya mahasiswa universiti.

"Justeru, sudah menjadi misi dan perjuangan MPP untuk membantu kerajaan bagi memastikan kita semua hidup dalam satu persekitaran yang lebih bersih tanpa amalan membahayakan termasuk merokok," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel jemputan untuk Program Wacana *Sinar Harian* bertajuk Akta Tembakau: Apa Kata Anak Muda yang berlangsung di Auditorium Kumpulan Media Karangkraf baru-baru ini.

Turut hadir **Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Bahagian Kawalan Penyakit KKM, Dr Noraryana Hassan dan Pengarah Perubatan, Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia, Dr M Murallitharan.**

Muhammad Aqil Mirza pada masa sama melontarkan idea agar kempen bersepadu GEG dengan pertubuhan bukan kerajaan dan agensi kerajaan juga digembleng bersama.

"Selain itu, saya lihat program berkonsepkan *Peer to Peer* bersama rakan sebaya boleh diketengahkan supaya mudah untuk mereka berkongsi cerita dan mendengar penerangan mengenai bahaya merokok dengan lebih mendalam.

"Kita memahami kecenderungan

Sebagai pakar perubatan, beliau secara jelas dapat melihat beban pesakit kanser kesan daripada tembakau di negara ini yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

"Orang muda kata merokok hanyalah sekadar untuk untuk menghilangkan tekanan, tetapi sebenarnya ia boleh menyebabkan mereka ketagih dengan nikotin.

"*Vape* sememangnya boleh menjadi 'perantara' ketagihan tembakau. Tidak mustahil, para beliau mula mengejar nikotin dalam pelbagai bentuk tanpa memikirkan kesan buruk terhadap kesihatan," terangnya.

Pandangan tersebut turut disokong Dr Noraryana dengan menambah, amalan merokok alaf baharu telah dan bakal mengganggu produktiviti negara.

"Itu sebabnya apabila berbicara mengenai GEG, saya bukan sahaja bercakap berkaitan akta semata-mata, tetapi mahu mewujudkan ekosistem komprehensif bermula daripada institusi kekeluargaan lagi," katanya.

Bagi merencanakan lagi usaha, beritahu beliau, KKM turut melaksanakan Program MyHOUSE. MyHOUSE merupakan kempen mempromosikan suasana rumah bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok secara sukarela. Ia digerakkan secara bersama dengan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia, Pertubuhan Wanita Malaysia untuk Kawalan Tembakau



DR NORARYANA

## INFORMASI tambahan mengenai Generasi Penamat (GEG)

- Hasil soal selidik dalam kalangan murid sekolah seluruh negara mendapati sebanyak 97.6 peratus (46,715 orang) bersetuju terhadap pelaksanaan GEG.
- Negeri Johor mencatat jumlah persetujuan tertinggi dengan 9,574 orang diikuti Selangor (6,400 orang) dan Sarawak (4,892 orang).
- GEG merupakan langkah strategik yang diperkenalkan bagi melarang aktiviti tertentu berkaitan merokok terhadap generasi yang lahir pada 1 Januari 2005 dan seterusnya.
- Larangan ini termasuk menjual sebarang produk merokok, larangan penggunaan dan pembelian serta memilikkan sebarang produk merokok oleh GEG.

Sumber TOBACCOENDGAME.MY

dan Kesihatan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"Usaha ini sudah pun dijalankan. Kita mahu menjayakan misi bebas rokok bermula dari rumah lagi. Serentak dengan itu, kempen ini antara lain membantu ibu bapa (perokok sekunder dan tertier) yang mahu berhenti merokok untuk jangka masa lima tahun.

"Jika tidak dibendung dari sekarang, kos yang ditanggung untuk membiayai nilai rawatan penyakit kanser paru-paru cukup tinggi. Bagi seorang pesakit, biasanya jumlahnya dianggarkan lebih kurang RM150,000," jelasnya.